

Signifikan Warna dari Perspektif al-Quran dan Peranannya dalam Proses Pembelajaran Anak Autisme (Significant of Colour in the Quran and Its Role in the Learning Process for Autisme Children)

Norwardatun Mohamed Razali

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Maisarah Saidin

Fakulti Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Siti Mardhiyah Kamal Azhar

Fakulti Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Kanak-kanak autisme mengalami kesukaran dalam proses pembelajaran disebabkan gangguan perkembangan neuro yang dicirikan oleh defisit dalam komunikasi sosial dan tingkah laku berulang serta minat yang terhad. Persekitaran kelas Murid Berkeperluan Khas yang mencampurkan pelajar dari pelbagai kategori masalah pembelajaran menyebabkan masalah pembelajaran kanak-kanak autisme masih berlaku, justeru memerlukan faktor-faktor yang membantu memperbaiki proses pembelajaran. Penggunaan warna dilihat antara faktor yang memberi kesan kepada emosi manusia secara amnya, dan secara khusus dilihat dapat membantu pelajar autisme fokus dalam pembelajaran. Artikel ini bertujuan melihat peranan warna dalam membantu proses pembelajaran kanak-kanak autisme. Kajian ini menggunakan kaedah induktif dengan analisis dokumen untuk mengumpul dan menganalisis data yang melibatkan literatur akademik dan rujukan Islamik. Hasil kajian mendapati bahawa warna mempunyai peranan yang penting dalam proses pembelajaran kanak-kanak autisme dari sudut penggunaan warna yang bersesuaian dengan persekitaran kelas, bahan pembelajaran, bahan audio dan juga penggunaan dalam aktiviti seni. Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami bagaimana warna boleh digunakan sebagai strategi sokongan dalam membantu meningkatkan kualiti pendidikan inklusif dan memastikan murid autisme mendapat persekitaran pembelajaran yang lebih efektif.

Kata Kunci: Autism, Murid Berkeperluan Khas, Pembelajaran, Warna

Abstract

Children with autism experience difficulties in the learning process due to neurodevelopmental disorders characterized by deficits in social communication and repetitive behaviours as well as limited interests. The environment of Special Needs Students' classes that mix students from various categories of learning problems causes learning problems for children with autism to still occur, thus requiring factors that help improve the learning process. Using colour as a factors that affect human emotions in general, and specifically is seen to be able to help students with autism focus on learning. This article aims to look on the role of colour in helping children with autism on learning process. This study uses an inductive method with document analysis to collect and analyze data involving academic literature and Islamic references. Study found that colour has an important role in the learning process of children with autism from the perspective of using colors that are appropriate for the classroom environment, learning materials, audio materials and also art activities. This study provides an important contribution in understanding how colour can be used as an additional support to improve the quality of inclusive education and ensure that students with autism receive a more effective learning environment.

Keywords: Autism, Special Needs Students, Learning, Colour

Article Progress
Received: 18 March 2025
Revised: 02 April 2025
Accepted: 16 April 2025

1. PENDAHULUAN

Warna mempunyai makna yang signifikan di dalam al-Quran. Makna tersebut juga signifikan dalam kehidupan manusia terutama dari aspek kesan kepada emosi dan psikologi. Antara masalah yang memerlukan kepada intervensi melalui warna ialah Autisme kerana kanak-kanak dengan autisme mungkin melihat warna dengan cara yang berbeza, dan intervensi harus memberi tumpuan kepada mengenal pasti dan menggunakan warna yang meningkatkan kemahiran interaksi dan jangka perhatian dalam pelbagai persekitaran (Barbazi & Wang, 2023).

Autisme, atau gangguan spektrum autisme (ASD), adalah gangguan perkembangan neuro yang dicirikan oleh defisit dalam komunikasi sosial dan tingkah laku berulang serta minat yang terhad (Lord, et al., 2020). Gangguan ini biasanya muncul pada awal kanak-kanak dan mempunyai pelbagai peringkat keseriusan. Tanda-tanda atau gejala anak yang mengalami autisme akan muncul sebelum berusia 3 tahun dan akan berterusan sehingga dewasa jika tidak menjalani intervensi yang tepat (Dwinanda, et al., 2022).

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, jumlah individu dengan autism yang didaftarkan semakin meningkat setiap tahun. Seramai 60,217 individu yang didiagnosis dengan autisme telah berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga 30 Jun 2024 (Kosmo, 2024). Fenomena ini sekali gus mencerminkan tahap kesedaran yang semakin positif dalam kalangan ibu bapa terhadap kepentingan pendaftaran dan akses kepada sokongan bagi anak-anak autistik.

Dari segi pendidikan, kanak-kanak autisme mempunyai hak mendapatkan pendidikan yang terbaik sebagaimana pelajar tipikal lain. Namun begitu, pelbagai cabaran dihadapi oleh mereka terutamanya dalam aspek bahasa, komunikasi, dan kemahiran sosial.

Pertama; Aspek bahasa: Anak-anak autisme tanpa kecacatan intelektual sering mengalami kesukaran bahasa dan komunikasi sehingga mempengaruhi Di Malaysia, terdapat seramai 60,217 individu yang didiagnosis dengan autisme telah berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga 30 Jun 2024 (Kosmo, 2024). aruhi hubungan berkomunikasi dengan rakan sebaya, dan memberi kesan kepada prestasi pendidikan mereka (Hashim, Yunus & Norman, 2022). Kesukaran ini juga dikaitkan dengan tindak balas emosi negatif dan persepsi diri yang negatif (Sturrock, A, 2022). Adapun bahasa Inggeris secara khususnya, anak-anak autisme menghadapi cabaran dalam pembelajaran kosa kata bahasa Inggeris, yang berbeza daripada pelajar biasa. Cabaran ini termasuk kesukaran dalam memahami dan mengingat perkataan baru (Hashim, et al., 2022).

Kedua; Komunikasi: Terdapat aduan dari Ibubapa tentang kurangnya kesedaran dan pemahaman tentang keperluan pembelajaran unik anak-anak autisme dalam sistem sekolah arus perdana, menyebabkan kekecewaan ibubapa dalam memastikan keperluan pembelajaran anak-anak mereka dipenuhi oleh pihak sekolah (Carrera, P., 2023). Mencampuradukkan kelas pendidikan dengan latar belakang kanak-kanak yang berbeza memberi kesan kepada kesukaran berkomunikasi bagi anak-anak autisme dengan pelajar lain.

Ketiga; *Aspek motor dan sensori* : Ia sering berlaku dalam kalangan anak-anak autisme yang mana ia dikaitkan dengan kesukaran dalam kemahiran hidup harian seperti berpakaian, mandi, dan penyediaan makanan (Travers, B., 2022).

Kesukaran yang dihadapi oleh anak autism ini boleh memberi kesan negatif terhadap hubungan sosial, prestasi pendidikan, dan kesejahteraan emosi mereka. Dalam menghadapi cabaran ini, peranan ibu bapa adalah amat penting, di samping keperluan sokongan daripada perkhidmatan pakar yang lebih komprehensif. Salah satu pendekatan yang berkesan adalah dengan mengintegrasikan minat khusus kanak-kanak autisme ke dalam proses pengajaran serta menyediakan intervensi terapi yang holistik bagi meningkatkan keberkesanan hasil pembelajaran mereka. Antara strategi intervensi yang boleh diterapkan adalah dengan mempertimbangkan elemen warna dalam

persekitaran pembelajaran serta bahan pengajaran itu sendiri. Pemilihan warna yang tepat dapat membantu menyokong pembelajaran dan kesejahteraan emosi kanak-kanak autisme. Namun begitu, menurut Dwinanda, et al. (2022), anak autisme yang secara umumnya mempunyai kemampuan visualisasi yang tajam, serta kepekaan dalam visualisasi juga menyebabkan berlakunya trauma kepada warna tertentu, seterusnya menjadikan anak tersebut resah dan hiperaktif. Justeru dengan pemilihan warna yang tepat, ia dapat digunakan sebagai alat terapi untuk anak autisme. Justeru artikel ini bertujuan melihat signifikan warna di dalam al-Quran dan peranan warna dalam membantu proses pembelajaran kanak-kanak autisme, seterusnya melihat perkaitan di antara signifikan warna dalam al-Quran dengan kesannya kepada kehidupan manusia dari sudut elemen terapi kepada anak autisme.

2. PERNYATAAN MASALAH

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga mengambil langkah untuk menggalakkan program pendidikan inklusif sebagai sebahagian daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, dengan matlamat untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti untuk semua, termasuk murid berkeperluan khas.

Murid berkeperluan khas, khususnya murid autisme tidak terkecuali dari mendapat pendidikan yang sewajarnya. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga mengambil langkah untuk menggalakkan program pendidikan inklusif sebagai sebahagian daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, dengan matlamat untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti untuk semua, termasuk murid berkeperluan khas (Amran, Majid, & Ali, 2019). Namun begitu, murid autisme menghadapi pelbagai cabaran dalam kelas inklusif yang boleh mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran mereka antaranya masalah interaksi sosial, komunikasi dan perilaku (Fitriani, 2023) menyebabkan gangguan dalam hubungan dengan orang lain, seterusnya menjadi punca gangguan di dalam proses pembelajaran. Menurut Amran, et al. (2019), murid autisme mungkin mengalami kesulitan dalam menguruskan emosi mereka, yang boleh mengakibatkan tingkah laku yang mencabar dalam situasi sosial atau akademik. Tambahan pula, dalam pendidikan khas, murid berkeperluan khas memerlukan pendekatan yang lebih strategik, keperluan bantuan khas, sokongan dan pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan dan potensi mereka.

Banyak usaha dilakukan dalam membantu meningkatkan proses pembelajaran murid autisme, salah satunya memasukkan elemen warna di dalam proses pembelajaran. Kajian Rohadi & Alias (2021) menunjukkan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) berwarna dapat meningkatkan proses pembelajaran murid autisme. Hal ini kerana, warna membantu mengaktifkan proses berfikir dan memudahkan mereka dalam memahami isi pembelajaran, seperti mengenali kata atau ayat dalam Surah al-Fatihah. Kajian Fazleyazid (2024) menyatakan bahawa penggunaan warna sebagai medium dalam pendidikan seni visual dapat membantu pelajar autisme untuk lebih fokus dalam memahami informasi dan maklumat yang disampaikan oleh guru mereka. Selain itu, kajian beliau turut menjelaskan bahawa pewarnaan dalam ruang kelas atau persekitaran pembelajaran dapat memberikan perasaan keselesaan dan aman, yang memberi impak positif pada kesejahteraan emosi murid berkeperluan khas. Pemilihan warna yang tepat dapat mempengaruhi tingkah laku dan interaksi sosial antara pelajar. Namun begitu, pemilihan warna yang tidak sesuai akan memberikan kesan hiperaktif dan resah akibat dari trauma kepada warna tertentu menyebabkan murid autisme tidak mampu menjalani proses pembelajaran dengan baik (Dwinanda, et al., 2022). Justeru, artikel ini bertujuan melihat signifikan penggunaan warna di dalam al-Quran dan perkaitannya dengan peranan warna terhadap proses pembelajaran murid autisme, supaya pembelajaran yang lebih sesuai dapat dirancang dan memberi kesan positif kepada mereka.

3. OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti signifikan lafaz warna yang terdapat di dalam al-Quran.
- ii. Mengenalpasti kesan warna kepada proses pembelajaran anak autisme.

4. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kepustakaan bagi meneliti penggunaan warna dalam al-Quran dan peranannya dalam proses pembelajaran murid autisme. Data diperoleh daripada sumber primer dan sekunder seperti buku akademik, artikel jurnal berindeks, kertas kerja, dan tesis. Sumber-sumber ini diperoleh daripada pangkalan data dalam talian seperti Scopus, Google Scholar, dan sebagainya. Selain itu, rujukan kepada sumber berautoriti seperti Al-Quran beserta tafsirnya, turut dilakukan untuk memahami konteks warna dalam ayat al-Quran. Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti kesan warna terhadap murid autisme, khususnya dalam aspek pembelajaran. Hasil kajian diharap dapat memberikan cadangan penggunaan warna yang lebih sesuai bagi meningkatkan proses pembelajaran mereka.

5. DAPATAN KAJIAN

5.1 Signifikan Warna dalam Alquran

Lafaz warna digunakan dalam al-Quran bagi menggambarkan tentang sesuatu perkara. Dari sudut simbol penggunaan, warna boleh dibahagikan kepada dua sebagaimana menurut ilmu psikologi. Pertama: warna positif iaitu warna yang dapat meningkatkan kegembiraan. Kedua, warna negatif adalah warna yang dapat membawa sifat seseorang memiliki emosi yang tidak stabil (Meilani, 2015). Adapun di dalam al-Quran, dari sudut signifikan penggunaan warna tersebut dibahagikan kepada konotasi positif dan konotasi negatif.

1) Warna Putih:

Dalam al-Quran, warna putih kesemuanya digunakan dengan membawa makna konotasi yang positif iaitu;

- a) *Mukjizat Nabi Musa Alaihissalam*: Dijelaskan menerusi beberapa surah tentang kemukjizatan baginda antaranya ialah mukjizat tongkat yang berubah menjadi ular sebagaimana firman Allah : “*Nabi Musa pun mencampakkan tongkatnya, maka tiba-tiba tongkatnya itu menjadi seekor ular yang jelas nyata*”. (Al-A'raf: 107)

Selain itu peristiwa laut yang terbelah juga dirakamkan menerusi surah (Asy-Syu'ara: 63) yang bermaksud: “*Lalu Kami wahyukan kepada Nabi Musa: "Pukulah laut itu dengan tongkatmu". (Setelah dipukul) maka terbelahlah laut itu (kepada beberapa bahagian), lalu menjadilah air tiap-tiap bahagian yang terbelah itu terangkat seperti gunung yang besar*”. Baginda juga dikurniakan mukjizat batu yang boleh mengeluarkan air sebagaimana firman-Nya: “*Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya, maka Kami berfirman: "Pukulah batu itu dengan tongkatmu", (ia pun memukulnya), lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air...*” (Al-Baqarah: 60).

Antara mukjizat lain yang disebutkan dalam al-Quran menggunakan lafaz warna putih atau disebut sebagai *bayda'* (بيضاء) ialah mukjizat tangan nabi Musa yang disebutkan dalam dua ayat;

- 1- Firman Allah SWT: “*Dan dia mengeluarkan tangannya, maka tiba-tiba tangan itu menjadi putih bercahaya bagi orang-orang yang melihatnya.*” (Al-A'raf: 108)

2- Firman Allah SWT: "Dan masukkanlah tanganmu ke leher bajumu, niscaya ia akan keluar putih tanpa cacat." (An-Naml: 12).

Menurut Wahbah az-Zuhaili (2013), mukjizat yang diberikan kepada Nabi Musa ketika memasukkan tangannya ke dalam baju dan kemudian mengeluarkannya dengan memancarkan warna putih ini bukanlah berupa warna putih yang membawa makna sebuah penyakit, kerana warna putih ini berbeza dengan warna kulit Nabi Musa (Az-Zuhaili, 2013).

- b) Waktu Fajar : Warna putih disebut dalam surah al-Baqarah, ayat 187 dengan firman-Nya: *"Dihalalkan bagi kamu pada malam hari bulan puasa bercampur dengan isteri-isteri kamu; mereka adalah pakaian bagimu, dan kamupun adalah pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahwasanya kamu tidak dapat menahan nafsumu, karena itu Allah mengampuni kamu dan memberi maaf kepadamu. Maka sekarang campurilah mereka dan ikutilah apa yang telah ditetapkan Allah untukmu, dan makan minumlah hingga terang bagimu benang putih dari benang hitam, yaitu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sampai (datang) malam, (tetapi) janganlah kamu campuri mereka itu, sedang kamu beri'tikaf dalam masjid. Itulah larangan Allah, maka janganlah kamu mendekatinya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepada manusia, supaya mereka bertakwa".* Dalam ayat ini Allah SWT menggunakan perkataan benang putih iaitu lafaz metafora untuk menerangkan waktu fajar (siang) dalam konteks had waktu untuk makan dan minum semasa bulan Ramadhan (Ibnu Kathir, 2001).
- c) *Nikmat Syurga*: Warna putih digunakan bagi menjelaskan warna minuman buat ahli syurga, sebagaimana disebut dalam dengan firman-Nya: *"(Warnanya) putih bersih, sedap rasanya bagi orang-orang yang minum"* (as-Saffat:46), yang mana ia menjelaskan tentang warna *khamar* yang merupakan warna minuman buat ahli syurga (al-Baidhawi, 1998).

Adapun, warna putih yang digunakan dengan konotasi negatif disebut dalam firman Allah SWT: *"Dan Ya'qub berpaling dari mereka (anak-anaknya) seraya berkata: "Aduhai duka citaku terhadap Yusuf", dan kedua matanya menjadi putih karena kesedihan dan dia adalah seorang yang menahan amarahnya (terhadap anak-anaknya)"* (Yusuff:84). Lafaz warna putih pada mata Nabi Yaakub AS di sini menjelaskan kesedihan yang dirasakan oleh baginda ketika kehilangan dua anaknya iaitu Saidina Yusuf dan saudaranya (Al-Khalidi, 1998).

2) Warna Hitam

- a) *Hari Kiamat*: Warna hitam sebagai simbol kiamat digunakan dalam firman Allah SWT: *"Dan pada hari kiamat kamu akan melihat orang-orang yang berbuat dusta terhadap Allah, mukanya menjadi hitam. Bukankah dalam neraka Jahannam itu ada tempat bagi orang-orang yang menyombongkan diri?"* (Az-zumar:60), dan firman Allah SWT: *"pada hari yang di waktu itu ada muka yang putih berseri, dan ada pula muka yang hitam muram. Adapun orang-orang yang hitam muram mukanya (kepada mereka dikatakan): "Kenapa kamu kafir sesudah kamu beriman? Karena itu rasakanlah azab disebabkan kekafiranmu itu"* (Ali Imran : 106). Kedua-dua ayat ini menjelaskan keadaan orang yang berada pada hari kiamat berdasarkan perbuatannya ketika masih hidup di dunia yang menganggap Allah beranak dan mempunyai sekutu, menyembah selain Allah, atas perbuatan seperti demikianlah kemudian mereka diliputi kesedihan dan kepiluan berupa wajah yang berwarna hitam (Al-Maraghi, 1946).
- b) *Ekspresi wajah*: Warna hitam digunakan bagi menunjukkan keadaan wajah sebagaimana Allah SWT: *"Dan apabila seseorang dari mereka diberi kabar dengan (kelahiran) anak*

perempuan, hitamlah (merah padamlah) mukanya, dan dia sangat marah”(an-Nahl: 58), dan *“Padahal apabila salah seorang di antara mereka diberi kabar gembira dengan apa yang dijadikan sebagai misal bagi Allah Yang Maha Pemurah; jadilah mukanya hitam pekat sedang dia amat menahan sedih*”(az-Zukhruf:17). Kedua-dua ayat ini menjelaskan menjelaskan wajah orang jahiliyyah ketika dikhabarkan kelahiran anak perempuan, dan merasa bimbang samada hendak disembunyikan atau dijaga dengan rasa kehinaan atau ditanam hidup-hidup (Ibn Kathir, 1998).

Menurut *al-Qanuji* (1992) berkenaan warna yang disebut menerusi ayat ini ialah: keadaan (wajahnya menjadi hitam) iaitu berubah, dan bukanlah yang dimaksudkan dengan hitam itu sebagai lawan kepada putih, tetapi ia adalah kiasan bagi kehancuran hati dan perubahan wajah disebabkan kesedihan, dukacita, kemarahan, dan kebencian. Orang Arab sering mengatakan bahawa sesiapa yang mengalami sesuatu yang tidak menyenangkan, wajahnya menjadi hitam kerana kesedihan dan keduakaan.

3) Warna Hijau

- a) *Warna muka bumi*: Warna hijau digunakan pada warna muka bumi dalam dua ayat, iaitu Firman Allah SWT: *“Apakah kamu tiada melihat, bahwasanya Allah menurunkan air dari langit, lalu jadilah bumi itu hijau? Sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui”* (al-Hajj:63).

Dalam ayat lain Allah SWT berfirman: *“Dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan maka Kami keluarkan dari tumbuh-tumbuhan itu tanaman yang menghijau. Kami keluarkan dari tanaman yang menghijau itu butir yang banyak; dan dari mayang korma mengurai tangkai-tangkai yang menjulai, dan kebun-kebun anggur, dan (Kami keluarkan pula) zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa. Perhatikanlah buahnya di waktu pohonnya berbuah dan (perhatikan pulalah) kematangannya. Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman”* (al-An’am:99).

Di dalam kedua-dua ayat ini, warna hijau digunakan untuk menjelaskan keindahan alam melauai warna tumbuh-tumbuhan kerana turunnya air hujan kemudian menyuburkan tanah dan menumbuhkan tumbuhan-tumbuhan yang berwarna hijau (Al-Qurthubi, 2009).

- b) *Nikmat ahli syurga*: Warna hijau digunakan bagi menjelaskan nikmat ahli syurga berupa syurga berwarna hijau, bantal-bantal berwarna hijau, permaidani yang indah, dipakaikan gelang emas dan pakaian sutera berwarna hijau (Razali, NM., 2018). Ini dilihat dalam empat ayat iaitu;
- 1- firman Allah SWT: *“Kedua surga itu (kelihatan) hijau tua warnanya”* (Ar-Rahman: 64)
 - 2- firman Allah SWT: *“Mereka bertelekan pada bantal-bantal yang hijau dan permadani-permadani yang indah”* (ar-Rahman: 76).
 - 3- Firman Allah SWT: *“Mereka itulah (orang-orang yang) bagi mereka surga 'Adn, mengalir sungai-sungai di bawahnya; dalam surga itu mereka dihiasi dengan gelang mas dan mereka memakai pakaian hijau dari sutera halus dan sutera tebal, sedang mereka duduk sambil bersandar di atas dipan-dipan yang indah. Itulah pahala yang sebaik-baiknya, dan tempat istirahat yang indah”* (al-Kahfi: 31)
 - 4- firman Allah SWT: *“Mereka memakai pakaian sutera halus yang hijau dan sutera tebal dan dipakaikan kepada mereka gelang terbuat dari perak, dan Tuhan memberikan kepada mereka minuman yang bersih”* (al-Insan:21).

- c) *Mimpi*: Warna hijau digunakan bagi menjelaskan tentang mimpi sebagaimana firman Allah SWT: *"Raja berkata (kepada orang-orang terkemuka dari kaumnya): "Sesungguhnya aku bermimpi melihat tujuh ekor sapi betina yang gemuk-gemuk dimakan oleh tujuh ekor sapi betina yang kurus-kurus dan tujuh bulir (gandum) yang hijau dan tujuh bulir lainnya yang kering". Hai orang-orang yang terkemuka: "Terangkanlah kepadaku tentang ta'bir mimpiku itu jika kamu dapat mena'birkan mimpi" (Yusuf:43), dan firman Allah SWT: " (Setelah pelayan itu berjumpa dengan Yusuf dia berseru): "Yusuf, hai orang yang amat dipercaya, terangkanlah kepada kami tentang tujuh ekor sapi betina yang gemuk-gemuk yang dimakan oleh tujuh ekor sapi betina yang kurus-kurus dan tujuh bulir (gandum) yang hijau dan (tujuh) lainnya yang kering agar aku kembali kepada orang-orang itu, agar mereka mengetahuinya" (Yusuf:46).*

Kedua-dua ayat ini menjelaskan tentang mimpi seorang raja melihat tujuh ekor lembu betina yang berbadan gemuk dimakan oleh lembu-lembu yang berbadan kurus, dan tujuh tangkai gandum berwarna hijau dan yang lainnya kering. Lalu ditafsirkan oleh Nabi Yusuf AS setelah diperintahkannya oleh Raja tersebut, dan Nabi Yusuf AS mentafsirkan bahwa tujuh ekor sapi itu adalah tujuh tahun karena biasanya lembu yang akan mengerjakan tanah sehingga dapat menumbuhkan tanaman berwarna hijau (Ibnu Kathir, 2001). Oleh itu, tujuh tangkai gandum di dalam ayat ini menerangkan tentang tumbuh-tumbuhan.

4) Warna Biru

Warna biru disebut dalam firman Allah SWT: *"(yaitu) di hari (yang di waktu itu) ditiup sangkakala dan Kami akan mengumpulkan pada hari itu orang-orang yang berdosa dengan muka yang biru muram"* (Taaha: 102), digunakan bagi menjelaskan keadaan manusia pada hari kiamat bagi orang yang derhaka. Sebahagian ahli tafsir berpendapat warna biru di sini menggambarkan kulit orang yang berada pada hari kiamat yang berwarna biru akibat dari letih dan kehausan karena disiksa, sebahagian mufassir lain memahaminya sebagai mata yang berwarna biru dalam erti kata buta (Shihab, M. Q., 2005).

5) Merah

- a) *Gunung*: Warna merah digunakan dalam al-Quran bagi menjelaskan keindahan alam sebagaimana disebut dalam firman Allah SWT: *"Tidaklah kamu melihat bahwasanya Allah menurunkan hujan dari langit lalu Kami hasilkan dengan hujan itu buah-buahan yang beraneka macam jenisnya. Dan di antara gunung-gunung itu ada garis-garis putih dan merah yang beraneka macam warnanya dan ada (pula) yang hitam pekat"* (Fathir: 27). Ayat ini menggambarkan kemukjizatan gunung yang mempunyai pelbagai warna termasuk warna merah, dan warna-warna lain bergantung pada kandungan yang ada pada batuan di gunung tersebut. Menurut ahli geologi, warna merah yang terpantul ini berasal dari magma yang berada dalam perut bumi kemudian terpancar dari gunung, lalu terpancar keindahannya dari jauh, dan secara hakikatnya magma itu akan terasa panas jika dilihat dalam jarak yang dekat (Hidayat, 2020). Justeru, dari warna merah itu menunjukkan kekuasaan Allah (Shihab, M. Q., 2005).
- b) *Langit pada hari Kiamat*: Warna merah terdapat dalam firman Allah SWT: *"Maka apabila langit telah terbelah dan menjadi merah mawar seperti (kilapan) minyak"* (ar-Rahman: 37). Walaupun menggunakan perkataan (وردية) iaitu bunga mawar, namun menurut az-Zamakhshary (1986) ia membawa makna merah, pandangan ini juga bersamaan dengan *al-Mukhtasar fi al-Tafsir* (2016) "Maka apabila langit terbelah kerana

turunnya para malaikat daripadanya, ia menjadi merah seperti minyak yang bercahaya warnanya. Warna merah digunakan dalam ayat ini bagi menjelaskan pemandangan Hari Kiamat, iaitu fenomena terbelah langit dan perubahannya. Imam *Al-Tabari* (2000) menjelaskan pada Hari Kiamat apabila langit terbelah dan pecah, maka warnanya akan menjadi seperti merah mawar, seperti minyak yang mendidih, dan timah yang dilarutkan; dan begitulah dibayangkan betapa teruknya keadaan pada Hari Kiamat kelak.

6) Kuning

- a) *Keadaan manusia di dunia*: Warna kuning digunakan bagi menjelaskan keadaan manusia di dunia dalam dua ayat iaitu, firman Allah SWT: *"Ketahuilah, bahwa sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah permainan dan suatu yang melalaikan, perhiasan dan bermegah-megah antara kamu serta berbangga-banggaan tentang banyaknya harta dan anak, seperti hujan yang tanam-tanamannya mengagumkan para petani; kemudian tanaman itu menjadi kering dan kamu lihat warnanya kuning kemudian menjadi hancur. Dan di akhirat (nanti) ada azab yang keras dan ampunan dari Allah serta keridhaan-Nya. Dan kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan yang menipu"* (al-Hadid:20) dan Firman Allah SWT: *"Apakah kamu tidak memperhatikan, bahwa sesungguhnya Allah menurunkan air dari langit, maka diaturnya menjadi sumber-sumber air di bumi kemudian ditumbuhkan-Nya dengan air itu tanam-tanaman yang bermacam-macam warnanya, lalu menjadi kering lalu kamu melihatnya kekuning-kuningan, kemudian dijadikan-Nya hancur berderai-derai. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal."* (az-Zumar 21).

Kedua-dua ayat ini menjelaskan bahawa kehidupan di dunia adalah sebuah permainan dan sesuatu yang melalaikan. M. Quraish Shihab (2005) menggambarkan ayat ini dengan mengibaratkan sebuah kehidupan didunia yang lengah, dan mengibaratkan hidup didunia seperti air hujan yang tercurah keatas tanah, kemudian air hujan itu membasahi bumi dan menyuburkan tumbuhan, fasa seterusnya tanaman tersebut hidup subur sehingga akhirnya menguning dan hancur. Hal tersebut seperti halnya kehidupan di dunia (Shihab, M. Q., 2005). Di dalam ayat ini, warna kuning digunakan bagi menjelaskan sesuatu yang akan musnah apabila tiba masanya.

- b) *Haiwan*: Warna kuning digunakan bagi menjelaskan warna haiwan dalam firman Allah SWT: *"Mereka berkata: "Mohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami agar Dia menerangkan kepada kami apa warnanya". Musa menjawab: "Sesungguhnya Allah berfirman bahwa sapi betina itu adalah sapi betina yang kuning, yang kuning tua warnanya, lagi menyenangkan orang-orang yang memandangnya"* (Al-Baqarah: 69). Ibnu Abbas dan Ubaidillah mengatakan warna kuning dalam ayat ini merupakan penjelasan warna lembu secara terperinci sebagaimana yang diminta oleh Bani Israil kepada Rasulullah. Adapun menurut Mujahid dan Wahab bin Munabbih menjelaskan dalam ayat tersebut bahwa warna kuning dalam ayat tersebut merupakan penjelasan dari warna lembu yang menunjukkan bahwa warna kuning itu adalah warna yang berada antara muda dan tua dari umur lembu tersebut (Ibnu Kathir, 2001).
- c) *Api*: Warna kuning digunakan pada menjelaskan keadaan api dalam firman Allah SWT: *"Seolah-olah ia iringan unta yang kuning"* (al-mursalat: 33). Menurut penafsiran Quraish Shihab dalam Tafsir Al-Mishbah, frasa ini menggambarkan kedahsyatan dan kecepatan peristiwa yang terjadi pada hari kiamat. Beliau menjelaskan bahawa *"jimalat"* berarti unta-unta besar, sementara *"shufr"* (صفر) berarti kuning. Namun, dalam konteks bahasa Arab klasik, *"shufr"* juga dapat merujuk pada warna hitam yang cenderung kekuningan.

Oleh karena itu, gambaran ini menunjukkan iringan unta besar berwarna gelap yang bergerak cepat, melambangkan dahsyatnya peristiwa yang terjadi (Shihab, M. Q., 2005).

- d) *Kebinasaan*: Warna kuning digunakan bagi menjelaskan kebinasaan dan kerusakan yang digambarkan melalui gambaran tumbuhan yang kering dan layu. Sebagaimana disebut dalam firman Allah SWT: “Dan sungguh, jika Kami mengirinkan angin (kepada tumbuh-tumbuhan) lalu mereka melihat (tumbuh-tumbuhan itu) menjadi kuning (kering), benar-benar tetaplah mereka sesudah itu menjadi orang yang ingkar” (ar-Rum:51). Ayat ini menjelaskan sikap kaum musyrikin yang mempunyai sifat terumbang-ambing atau tidak konsisten, dan akhirnya kaum musyrikin tersebut mengalami kerusakan dan kebinasaan (Shihab, M. Q., 2005).

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan warna digunakan dalam al-Quran bagi menjelaskan keadaan positif seperti warna hijau yang digunakan bagi menjelaskan keadaan tumbuh-tumbuhan, nikmat buat ahli syurga justeru ia memberikan makna bahawa warna hijau adalah warna yang memberikan ketenangan dan keamanan. Warna putih pula kebanyakannya digunakan bagi menjelaskan keadaan positif iaitu nikmat buat ahli syurga dan menjelaskan waktu siang, justeru menunjukkan ia warna yang semulajadi dan memberikan rasa yang aman.

Adapun warna yang menjelaskan keadaan negatif, seperti kuning yang digunakan bagi menjelaskan tentang kebinasaan dan kerusakan. Selain itu., ia juga digambarkan warna yang menarik perhatian seperti mana warna merah yang digunakan bagi menjelaskan tanda Hari Kiamat iaitu keadaan langit terbelah dan runtuh. Warna hitam juga digunakan bagi menjelaskan keadaan negatif iaitu menjelaskan perasaan dan keadaan wajah orang jahiliyyah dan juga wajah orang yang mendustakan Allah pada hari akhirat.

Berdasarkan kepada penggunaan lafaz warna dalam al-Quran, dapat dilihat bahawa warna di dalam al-Quran digunakan pada keadaan tertentu samada kehidupan dunia dan akhirat, justeru ianya berkait rapat juga dengan kesan warna kepada aspek emosi manusia (Wilms & Oberfeld, 2018).

5.2 Peranan Warna dalam Proses Pembelajaran Anak Autism

Warna dilihat mampu boleh memberikan kesan terhadap psikologi, emosi, serta cara bertindak manusia. Warna juga menjadi bentuk komunikasi *non verbal* yang boleh menyampaikan mesej secara serta-merta dan lebih bermakna. Setiap warna mempunyai makna, potensi, dan kekuatan untuk mempengaruhi, malah boleh menghasilkan kesan tertentu terhadap produktiviti, emosi, hingga perubahan suasana hati seseorang (Astuti, 2018).

Pengaruh warna bagi psikologi manusia dapat mencipta daya tarikan bagi manusia untuk lebih seronok kepada sesuatu perkara. Penggunaan warna yang tepat dapat memberikan ketenangan, tumpuan, kegembiraan, serta membangkitkan tenaga supaya menjadi aktif dalam melakukan aktiviti seharian (Astuti, 2018). Di antara peranan warna dalam membantu proses pembelajaran anak autisme ialah:

- a) **Mempengaruhi Emosi dan Kelakuan**: Warna mempunyai peranan dalam mempengaruhi emosi dan tingkah laku kanak-kanak autisme, justeru warna di dalam kelas pembelajaran anak autisme haruslah warna yang boleh mengurangkan kebimbangan dan warna yang boleh meningkatkan kegembiraan atau ketenangan. Antara faktor pemilihan warna yang perlu diambil kira;
- i. *Pemilihan satu tone warna*: Anak autisme mempunyai perlakuan berulang, mereka juga mempunyai gangguan dalam berkomunikasi sehingga menyukarkan dan membataskan mereka dalam bersosial. Oleh itu, penggunaan warna merah (warna panas) secara dominan di ruangan dalaman kelas perlu dielakkan kerana ia memiliki karakter penuh

dengan kekuatan (Astuti, 2018). Begitu juga warna kuning kerana ia akan menghasilkan perasaan yang berat pada mata, dan secara psikologinya membuat orang mudah berdebat. Justeru kombinasi satu tone warna dapat membantu terapi visual pada anak dalam menentukan warna yang tepat. Warna yang mempunyai tona yang sejuk seperti biru lembut dan hijau lembut dapat membantu emosi anak autisme menjadi lebih tenang (Dwinanda, et al., 2022).



Gambar 1: Kategori warna panas dan warna sejuk (Astuti, 2018)

- ii. **Kombinasi warna:** Pemilihan warna yang betul dalam kelas ketika proses pembelajaran dijalankan sangat penting kerana ia akan mempengaruhi emosi dan tumpuan anak autisme. Walaupun kombinasi warna panas atau cerah seperti merah, kuning dan oren menimbulkan suasana yang menggembirakan dan menaikkan emosi positif, ia akan mengganggu proses pembelajaran, kerana suasana pembelajaran anak autisme lebih memerlukan warna yang menenangkan (Astuti, 2018). Justeru, warna hijau merupakan warna yang sesuai digunakan dalam kelas untuk proses pembelajaran kerana ia memberikan ketenangan dan menimbulkan emosi yang baik (Dwinanda et al., 2022).
- b) **Meningkatkan Tumpuan dan Perhatian:** Warna merupakan elemen yang sangat penting dalam membantu proses pembelajaran anak autisme. Warna memiliki pengaruh yang signifikan terhadap mereka, kerana setiap warna mempunyai fungsi tersendiri. Pemilihan warna cat dinding yang sesuai bagi ruang belajar khusus bagi anak autisme membantu meningkatkan tumpuan dan mengurangkan gangguan bagi kanak-kanak autisme. Justeru terdapat beberapa aspek dari sudut pemilihan warna cat dinding perlu dilihat bagi membantu anak autisme supaya dapat memberikan tumpuan dan perhatian kepada proses pembelajaran, antaranya;
 - i. **Pemilihan warna yang sederhana:** Kanak-kanak autisme yang mengalami gangguan hipersensori cenderung lebih peka terhadap rangsangan yang terdapat di sekitarnya, termasuk warna yang terlalu terang. Selain itu, mereka juga mudah memahami hal yang konkrit berbanding abstrak disebabkan ciri-ciri *visual thinking* pada anak autisme. Oleh itu, pemilihan warna yang sederhana dalam ruang pembelajaran perlu dititik beratkan supaya ia dapat mengaktifkan otak anak autisme kategori ini menjadi lebih baik (Astuti, 2018). Selain itu, warna-warna lembut atau muda membantu menenangkan kanak-kanak autisme dan membantu mereka fokus dalam proses pembelajaran (Dwinanda, et al., 2022). Penggunaan warna seperti biru atau warna pastel yang lembut berupaya mencipta suasana yang mendamaikan serta membantu kanak-kanak menjadi lebih relaks dan mengawal emosi mereka dengan lebih baik. Sebaliknya, warna-warna tersebut tidak sesuai bagi kanak-kanak autisme yang menghadapi gangguan hiposensori. Hal ini

kerana, kanak-kanak dalam kategori ini memerlukan lebih banyak rangsangan dari persekitaran untuk meningkatkan interaksi dan aktiviti mereka. Persekitaran yang terlalu hambar atau kurang merangsang boleh menyebabkan mereka kurang responsif terhadap situasi sekeliling. Justeru, warna seperti merah dan jingga perlu disesuaikan secara seimbang dengan persekitaran agar dapat merangsang mereka untuk lebih aktif dan berinteraksi secara lebih efektif (Aflah & Anisa, 2020).

- ii. **Pemilihan satu warna:** Pemilihan warna yang diletakkan dalam ruang untuk anak berkeperluan khas dapat memberikan kesan positif, asalkan tidak terlalu kompleks. Sebagai contoh, penggunaan warna merah, kuning, dan hijau sebaiknya dielakkan jika digabungkan dengan banyak motif yang meriah dalam satu ruangan. Ini penting kerana anak-anak berkeperluan khas mudah teralih perhatiannya. Oleh itu, penggunaan kertas dinding dengan banyak corak dan kontra perlu dielakkan kerana ia boleh mengganggu tumpuan mereka (Dwinanda, et al., 2022).



Gambar 2: Contoh kombinasi warna panas yang tidak bersesuaian bagi kelas anak autisme (Astuti, 2018)

- c) **Meningkatkan kemahiran motor halus:** Aktiviti seni seperti melukis dan mewarna boleh membantu meningkatkan kemahiran motor halus kanak-kanak autisme. Antara aktiviti yang boleh digunakan menggunakan warna;
 - i. Menggunakan pensel warna, krayon, atau cat air untuk melukis dan mewarna boleh membantu meningkatkan kawalan motor halus. Aktiviti ini juga merangsang kreativiti dan ekspresi diri sebagaimana disebut di dalam health digest (Sean, 2023). Ini kerana, aktiviti melukis dan mewarna memerlukan penggunaan otot-otot kecil di tangan dan jari, seterusnya membantu menguatkan otot-otot tersebut dan meningkatkan koordinasi tangan dan mata (Kidzori, 2024).
 - ii. Menggunakan warna-warna cerah dan menarik seperti merah, kuning, dan biru kerana ia boleh merangsang minat kanak-kanak untuk terlibat dalam aktiviti yang memerlukan kemahiran motor halus, seperti melukis atau mewarna (Sean, 2023).
 - iii. Aktiviti mewarna dalam garisan atau melukis bentuk tertentu, boleh membantu meningkatkan koordinasi mata dan tangan kanak-kanak yang merupakan asas untuk kemahiran motor halus (Aman, 2024).
 - iv. Penggunaan warna-warna yang berbeza dalam aktiviti melukis dan mewarna juga boleh memberikan rangsangan sensorial yang membantu kanak-kanak autisme untuk lebih peka terhadap persekitaran mereka, seterusnya membantu mereka mengawal pergerakan tangan dan jari dengan lebih baik (Loke, J. D., Abd. Razak, Z., & Lau, P. L., *n.d.*).

- d) **Meningkatkan Kemahiran Sosial:** Penggunaan warna dalam aktiviti seni secara berkumpulan boleh membantu kanak-kanak autisme belajar untuk berinteraksi dan

bekerjasama dengan rakan sebaya, justeru membantu meningkatkan kemahiran sosial mereka (Taisin, 2018). Pemilihan jenis warna yang kontra dan jelas dalam aktiviti seni dapat menarik perhatian kanak-kanak, dan membantu mereka lebih fokus pada aktiviti yang sedang dilakukan. Penentuan pola dan warna yang tepat sangat penting untuk mencipta hasil kerja seni yang menarik dan menyenangkan bagi mereka.

Melalui penggunaan pelbagai warna dan tekstur dalam aktiviti seni pula dilihat dapat meningkatkan tumpuan dan keterlibatan kanak-kanak, seterusnya membantu mereka untuk menjadi lebih kreatif dan membina kemahiran sosial melalui interaksi dengan rakan sebaya. Selain itu, aktiviti seni yang melibatkan penggunaan warna dapat memberikan pengalaman yang menyenangkan, membantu kanak-kanak mengurangkan ketegangan dan kebimbangan yang mereka alami dalam kehidupan seharian (Taisin, 2018).

- e) **Meningkatkan pemahaman konsep dan pembelajaran kognitif:** Penggunaan warna dalam bahan pembelajaran seperti kad imbas atau bahan pembelajaran visual contohnya membantu murid autisme memahami konsep dan pemahaman dengan lebih baik. Kusumawati dan Surtikanti (2013) berpendapat bahawa murid autisme yang terdedah kepada kaedah pembelajaran audio, visual, atau taktikal berpeluang untuk mengembangkan kemampuan kognitif mereka. Pelajar berkeperluan khas, khususnya yang mengalami autisme, dapat meningkatkan keterampilan komunikasi mereka secara tidak langsung, yang seterusnya dapat memperbaiki gaya hidup mereka agar setanding dengan individu tipikal di sekeliling mereka (Fazleyazid, 2024).

Aktiviti yang melibatkan pengenalan dan pengenalanpastian warna contohnya boleh membantu meningkatkan kemahiran kognitif murid autisme. Ini termasuk aktiviti seperti menyusun objek mengikut warna atau mewarna gambar (Faizah, 2016). Justeru, murid autisme yang menjalankan pelbagai aktiviti melibatkan pelbagai media dan teknik membolehkan mereka berfikir secara kreatif dan meningkatkan minat mereka dalam pembelajaran.

6. KESIMPULAN

Warna dalam al-Quran dilihat sangat signifikan dengan kehidupan manusia khususnya apabila dilihat dari aspek peranannya kepada proses pembelajaran murid autisme. Penggunaan warna hijau dalam al-Quran digunakan pada ayat yang menggambarkan ketenangan, keamanan melalui penjelasan tentang tumbuh-tumbuhan menghijau di dunia dan juga nikmat buat ahli syurga. Dalam aspek kesan kepada murid autisme, warna hijau adalah kategori warna sejuk yang digalakkan untuk digunakan sebagai warna cat dinding bagi kelas pembelajaran murid autisme kerana ia memberi kesan menenangkan dan menimbulkan emosi yang baik (Dwinanda, et al., 2022).

Warna merah pula dikategorikan sebagai warna panas. Dalam al-Quran, ia digunakan bagi menjelaskan amaran atau tanda Hari Kiamat, yang mana ia membangkitkan emosi gerun dan takut. Begitu juga warna kuning, antaranya digunakan bagi menjelaskan warna terang yang menarik perhatian orang yang memandangnya, justeru ia juga berkaitrapat dengan membangkitkan emosi. Dari aspek kesesuaian kepada murid autisme, warna merah dan kuning tidak sesuai untuk digunakan sebagai warna tunggal cat dinding bagi kelas pembelajaran murid autisme, kerana ia akan memberi kesan aktif dan membuatkan sesi pembelajaran terganggu. Namun begitu, warna kuning dan merah sesuai digunakan di dalam bahan pembelajaran seperti aktiviti seni terutama apabila melibatkan warna yang pelbagai kerana ia membantu kanak-kanak autisme bekerjasama dan berinteraksi dengan rakan lain seterusnya meningkatkan kemahiran bersosial.

Adapun warna putih dalam al-Quran merupakan warna yang membawa konotasi positif dan kesenangan. Penggunaan warna putih pada cat dinding bagi kelas pembelajaran anak-anak autisme

pula dilihat sesuai kerana ia boleh digabungkan dengan warna-warna lain. Dari segi psikologi, warna putih sesuai digunakan pada kawasan yang mempunyai ruang yang sempit kerana mampu menimbulkan suasana yang cerah dan luas (Astuti, 2018).

Justeru, kajian melibatkan signifikan warna dalam al-Quran dan perkaitannya kepada kehidupan manusia perlu diperbanyakan bagi menzahirkan kemukjizatan al-Quran dari sudut pemilihan lafaz dan perkataan yang tepat, dan pemilihan lafaz ini terbukti bukanlah pemilihan yang sia-sia, sebaliknya mempunyai tujuan dan maksud tersendiri. Kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjut mengenai kesan spesifik warna tertentu terhadap tahap fokus dan emosi kanak-kanak autisme dalam konteks pendidikan di Malaysia. Selain itu, kajian empirikal boleh dilaksanakan untuk menilai keberkesanan warna dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran kanak-kanak autisme.

RUJUKAN

Al-Quran

Aflah, S. Z. & Anisa. (2020). Analisis Warna dan Bentuk Terhadap Kemampuan Visual Anak Autis Pada Fasilitas Pendidikan. *Jurnal LINEARS*, 3(1), 1-19. <https://doi.org/10.26618/j-linears.v3i1.3214>

Al-Baidhawi, Nasir al-Dhin. (1998). *Anwar at-Tanwil wa Asrar at-Ta'wil*. Dar Iha' at-Turath al-Arabiyy, Beirut.

Al-Khalidi, Solah Abdul Fattah (1998). *Al-Qasas al-Qurani*. Darul Qalam, Damsyik.

Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. (1964). *Tafsir al-Maraghi*. Mustafa al-Baba al-Halabi wa Awladihi, Egypt.

Al-Qanuji, S. (1992). *Fathul Bayan fi Maqasid al-Quran*. Al-Maktabah al-Asriyah li al-Tiba'ah wa al-Nashr, Beirut.

Al-Qurthubi, M.. (1964). *Al-Jāmi' li ahkām al-Qur'ān*. Dārul Kutūb al-Misriyyah, Kaherah.

Al-Thabari, M.J.. (2000). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayil Quran*. Muassasah ar-Risalah.

Amran, H. A., Majid, R. A., & Ali, M. Mohd. (2019). Cabaran guru pendidikan khas pada abad ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(26), 113–122.

Astuti, A. D. (2018). Penerapan Warna Pada Ruang Interior Anak Autis. *NARADA: Jurnal Desain dan Seni* 5(2), 33-44.

Az-Zamakhshari, A. Q. (1986). *Al-Kassyaf 'an Haqaiq Ghawamid Tanzil*. Darul Kitab al-'Arabiyy, Beirut.

Barbazi, N., & Wang, C. (2023). Perceiving Through Colors: Visual Supports for Children with Autism. *AHFE International*. <https://doi.org/10.54941/ahfe1003667>.

Carrera, P., Boshoff, K., Wiles, L., Phillips, R., Gibbs, D., & Porter, L. (2023). Understanding Parents' experiences with mainstream schooling for their children with autism Spectrum Disorder: A Meta-Analysis. *American Journal of Occupational Therapy*, 77(4). <https://doi.org/10.5014/ajot.2023.050025>

- Dwinanda, V., Damayanti, T. E., & Chandrahera, Y. (2022). Penerapan warna pada ruang terapi anak autis. *Jurnal Desain Interior*, 7(1), 43. <https://doi.org/10.12962/j12345678.v7i1.12024>
- Faizah, N. (2016). Model Pembelajaran Langsung Terhadap Keterampilan Mengenal Warna Dasar Siswa Autis. *Jurnal pendidikan Khusus*, Universitas Negeri Surabaya.
- Fazleyazid, A. (2024). Pewarnaan terhadap Murid Berkeperluan Khas (AUTISME). *KUPAS SENI*, 12(2), 26-36. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol12.1.4.2024>
- Fitriani, T., Pristiwaluyo, T., & Bastiana. (2021). Fitriani, T. (2023). Pengaruh Media Lego Terhadap Kemampuan Mengenal Warna Pada Anak Autis Kelas Dasar II di UPT SLB Negeri 1 Bone. <http://eprints.unm.ac.id/34306/1/JURNAL%20Fitriani%20T.pdf>
- Hashim, H. U., Yunus, M. M., & Norman, H. (2022). Autism Children and English Vocabulary learning: A qualitative inquiry of the challenges they face in their English vocabulary learning journey. *Children*, 9(5), 628. <https://doi.org/10.3390/children9050628>
- Hidayat, H. (2020). Simbolisasi Warna dalam Al-Quran. *MAGHZA: Jurnal Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir*, 5(1), 36–50. <https://doi.org/10.24090/maghza.v5i1.3638>
- Ibnu Kathir, Imaduddin abu al-Fida' Ismail. (2001). *Tafsir al-Quran al-Azhim*. Dar al-Kitab al-Arabiyy, Beirut.
- Kusumawati, A., & Pd, D. S. M. (2013). *Penanganan Kognitif Anak Down Syndrome Melalui Metode Kartu Warna Di TK Permata Bunda Surakarta Tahun Ajaran 2013/2014*. Tesis Master, Universitas Muhammadiyah Surakarta. <http://eprints.ums.ac.id/26696/>
- Loke, J. D., Abd. Razak, Z., & Lau, P. L. (n.d.). PENDEKATAN TERAPI LUKISAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK AUTISME. *Universiti Malaya*. <https://journal.nase.org.my/index.php/jsne/article/download/56/56/114>
- Lord, C., Brugha, T. S., Charman, T., Cusack, J., Dumas, G., Frazier, T., Jones, E. J. H., Jones, R. M., Pickles, A., State, M. W., Taylor, J. L., & Veenstra-VanderWeele, J. (2020). Autism Spectrum Disorder. *Nature Reviews Disease Primers*, 6(1). <https://doi.org/10.1038/s41572-019-0138-4>
- Mohamed Razali, N. (2018). *Dilalat al-alwan fil Quran al-Karim wa ta'thiruha fil 'amaliah at-ta'limiah "al-hifzi anmuzajan": Dirasah Maydaniyyah fil Madrasah at-thanawiyyah bi wilayah birak* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nakhbah min Kibar Ulama'. (2016). *Al-Mukhtasar fi Tafsir al-Quran al-Karim*. Tafsir Centre for Quranic Studies.
- Rohadi, A., & Alias, A. (2021). The Effectiveness of VAKT Teaching and Learning Through Colored vs Black Teaching Aids in Reading and Memorizing Ayat 1-3 Surah al-Fatihah for Student with Autism. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(2), 103–113. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no2.133>
- Shihab, M. Quraish. (2005). *Tafsir al-Misbah*. Penerbit Lentera Hati, Jakarta.

- Sturrock, A., Foy, K., Freed, J., Adams, C., & Leadbitter, K. (2023). The impact of subtle language and communication difficulties on the daily lives of autistic children without intellectual disability: Parent perspectives. *International Journal of Language & Communication Disorders*, 58(4), 1232–1250. <https://doi.org/10.1111/1460-6984.12859>
- Taisin, N. J. (2018). Aktiviti Melukis Meningkatkan Keyakinan Diri Dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 7, 19–29. <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>
- Travers, B. G., Lee, L., Klans, N., Engeldinger, A., Taylor, D., Ausderau, K., Skaletski, E. C., & Brown, J. (2022). Associations among daily living skills, motor, and sensory difficulties in autistic and nonautistic children. *American Journal of Occupational Therapy*, 76(2). <https://doi.org/10.5014/ajot.2022.045955>
- Wilms, L., & Oberfeld, D. (2018). Color and emotion: effects of hue, saturation, and brightness. *Psychological Research*, 82, 896-914. <https://doi.org/10.1007/s00426-017-0880-8>.

Website:

- 10 aktiviti kemahiran motor halus untuk kanak-kanak | Hospital Gleneagles. (n.d.). <https://gleneagles.com.my/ms/health-digest/fine-motor-skills-children>
- Aman, A. H. (2024, March 14). 3 Aktiviti Meningkatkan Kemahiran Motor Halus Kanak-Kanak - Pandai Blog. Pandai Blog. <https://blog.pandai.org/3-aktiviti-meningkatkan-kemahiran-motor-halus-kanak-kanak/>
- Kidzori. (2024, July 24). Ketahui 5 sebab aktiviti seni lukis dan mewarna memainkan peranan penting dalam perkembangan Anak-Anak | Kidzori. <https://kidzori.com/ketahui-5-sebab-aktiviti-seni-lukis-dan-mewarna-memainkan-peranan-penting-dalam-perkembangan-anak-anak/>
- Kosmo. (2024, July 10). 60,217 anak autisme berdaftar JKM di Malaysia. Kosmo Digital. [https://www.kosmo.com.my/2024/07/10/60217-anak-autisme-berdaftar-jkm-di-malaysia/#:~:text=PETALING%20JAYA%20%E2%80%93%20Seramai%2060%2C217%20penghidap,JKM\)%20setakat%2030%20Jun%202024](https://www.kosmo.com.my/2024/07/10/60217-anak-autisme-berdaftar-jkm-di-malaysia/#:~:text=PETALING%20JAYA%20%E2%80%93%20Seramai%2060%2C217%20penghidap,JKM)%20setakat%2030%20Jun%202024)
- Meilani. (2015, Ogos 25). Memahami Warna Melalui Teori Prang Color. Binus University of Design. <https://dkv.binus.ac.id/2015/08/26/memahami-warna-melalui-teori-prang-color->
- Sean, B. (2023, December 18). Pemulihan carakerja (Occupational therapy) 2024. FIT IN Child Development Centre. <https://fitin.edu.my/pemulihan-carakerja/>

Norwardatun Mohamed Razali (Corresponding author)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia
Email: wardatun@usim.edu.my

Maisarah Saidin
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia
Email: maisarah@usim.edu.my

Siti Mardhiyah Kamal Azhar
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia
Email: mardhiyah@usim.edu.my